


Kerajaan belum muktamad

BH- 26/4/2007

Keperluan rakyat dijamin dalam merangka strategi pemulihan jualan kenderaan



Laporan Jalal Ali Abdul Rahim dan Mohamed Farid Noh

KUALA LUMPUR: Kerajaan belum membuat keputusan mengenai cadangan kenderaan yang melebihi 15 tahun dilupuskan

dan diberi baucar RM5,000.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Ng Lip Yong, berkata berita mengenainya yang dilaporkan media baru-baru ini masih pada peringkat cadangan.

"Memang satu mesyuarat diadakan di Kementerian Pengangkutan pada 16 Mac lalu bagi membincangkan pelaksanaan pelupusan itu secara sukarela tetapi kita belum mencapai sebarang persetujuan.

"Kerajaan juga akan sentiasa menjaga kepentingan rakyat," ka-

“Mesyuarat diadakan di Kementerian Pengangkutan pada 16 Mac lalu tetapi belum capai persetujuan”

Ng Lip Yong
Timbalan Menteri Perdagangan
Antarabangsa dan Industri

tanya menjawab soalan tambahan Datuk Bung Mokhtar Radin (BN-Kinabatangan) yang menyatakan rakyat seluruh negara marah dan menolak cadangan itu kerana ia hanya merugikan rakyat.

Sementara itu, menjawab soalan Wong Nai Chee (BN-Kota Melaka) yang meminta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan strategi bagi memulihkan jualan kereta nasional, Ng berkata, beberapa pendekatan sudah diambil.

Beliau berkata, bagi memastikan jualan kenderaan nasional meningkat di pasaran tempatan dan luar negara dalam tempoh jangka panjang, kerajaan sudah melaksanakan Tabung Pembangunan Automotif sebanyak RM450 juta serta Tabung Modernisasi dan Automasi sebanyak RM300 juta mulai 23 Februari lalu.

"Proton dan Perodua juga mengambil langkah pengurangan kos dan melaksanakan strategi pemasaran bagi meningkatkan jualan," katanya.